

Rakyat rakam terima kasih

Oleh Izman Ismail

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mencatatkan kemajuan pesat di bidang ekonomi, sosial dan politik antarabangsa sepanjang tempoh pemerintahan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah.

Perdana Menteri yang mewakili kerajaan, pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan rakyat Malaysia merakamkan terima kasih kepada Sultan Azlan kerana di bawah naungannya, negara harmoni dan stabil.

"Kerajaan yang mendo- kong prinsip Raja Berper- lembagaan berasa bangga dengan fungsi Tuanku yang menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong dengan dedikasi dan mengikut asas Per- lembagaan.

"Dengan kerjasama Tuanku, kerajaan dan pe-

gawai-pegawai perkhid- matan awam menumpu- kan masa dan tenaga kepada pengurusan dan pentadbiran negara se- hingga mencapai pemban- gunan pesat.

"Dari segi politik, nega- ra juga stabil dan tidak ada perbalahan politik yang mengancam kesela- matan rakyat. Rakyat juga kini menikmati kualiti hidup yang tinggi dan sempurna," katanya.

Perdana Menteri berka- ta demikian ketika ber- ucap di majlis perpisahan rasmi kerajaan bagi Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah dan Raja Per- maisuri Agong, Tuanku Bainun di Pusat Daga- ngan Dunia Putra di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, sungguhpun, ekonomi du- nia, terutamanya Eropah, Amerika Syarikat dan Je- pun mengalami pertum- buhan yang lembap, na-

mun ekonomi Malaysia membanggakan.

"Dalam tempoh peme- rintahan Tuanku, pertum- buhan ekonomi negara melebihi lapan peratus se- tiap tahun sementara ka- dar inflasi juga berjaya di- bendung dengan kadar paling rendah di rantau ini.

"Nama Malaysia ber- tambah harum dalam poli- tik antarabangsa kerana aktif memperjuangkan hak-hak negara ketiga yang lemah dan sedang membangun dalam forum di seluruh dunia.

"Negara juga menguta- rakan persoalan besar se- perti pembunuhan kejam di Bosnia-Herzegovina, nasib dan hak rakyat Pa- lestina, kebuluran di Soma- lia, dasar *apartheid* di Af- rika Selatan serta masalah pemerintahan di Kemboja," katanya.

Mengenai bidang su- kan, Perdana Menteri ber-

kata, kerajaan dan rakyat berbangga kerana Sultan Azlan membabitkan diri dalam pelbagai bidang ter- utama hoki. Minat dan so- kongannya berjaya me- majukan sukan itu.

"Antara kejayaan besar ialah kemenangan Piala Thomas di samping pen- capaian lain di bidang hoki, bowling dan olahra- ga. Negara turut dipilih menjadi tuan rumah Su- kan Komanwel 1998," ka- tanya.

Dr Mahathir turut me- ngucapkan terima kasih kepada Tuanku Bainun atas pembabitan aktif da- lam pelbagai kegiatan so- sial terutama kerja amal dan kebajikan.

"Rasa kasih sayang ter- hadap insan yang lemah, tertindas, tidak bernasib baik berjaya dibukukan dalam hati masyarakat se- hingga dapat diwujudkan 'masyarakat penyayang'," katanya.